



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**METAFORA HATI DALAM KORPUS TRADISIONAL  
DAN KORPUS KONTEMPORARI: SATU ANALISIS  
TEORI HIBRID**

**NUR FAIZZAH BINTI MOHD ZALKANIL**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN BAHASA  
GUNAAN (KEPUJIAN)**

**JUN 2016**

## ABSTRAK

Manusia seringkali menggunakan metafora untuk mengekspresikan emosi yang bersifat abstrak. Antara isu yang cuba diketengahkan dalam kajian ini adalah tidak kesemua metafora terhasil daripada entiti yang bersifat abstrak. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan untuk membincangkan penginterpretasian makna metafora HATI yang bersifat konkrit dalam kehidupan masyarakat Melayu dahulu dan kini. Perbandingan metafora HATI dalam masyarakat Melayu dahulu dan kini dilakukan untuk mendapatkan konsep metafora HATI secara menyeluruh. Data kajian ini menggunakan 70 prosa klasik yang diambil daripada pangkalan *Malay Concordance Project* dan 425 buah buku daripada pangkalan korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. Analisis berasaskan Teori Hibrid ini telah dapat mengenal pasti dan menghasilkan dua rantau konsepsi iaitu rantau konsepsi EMOSI dan rantau konsepsi SIFAT yang memaparkan kognisi dan minda masyarakat Melayu dahulu dan kini. Selain itu, hasil penganalisan data menunjukkan bahawa masyarakat Melayu dahulu lebih banyak mengekspresikan emosi negatif dan sifat positif mereka dalam bentuk metafora berbanding masyarakat Melayu kini. Pembuktian ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu dahulu sangat mementingkan kelembutan dalam pertuturan berbanding masyarakat Melayu kini. Jelasnya, Teori Hibrid mampu menjelaskan makna metafora HATI dalam kehidupan masyarakat Melayu dahulu dan kini secara menyeluruh dan sistematik.

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim... Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapatlah saya menyiapkan penulisan ilmiah bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda ini dengan jayanya.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas buat Puan Diyana Saupi selaku penyelia penulisan ilmiah ini. Sesungguhnya, beliau begitu banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan yang tidak pernah jemu serta pengorbanan masa dan tenaga sepanjang menyelia saya. Begitu juga buat Cik Rozaimah Rashidin selaku pensyarah semantik, Akademi Pengajian Bahasa yang memperkenalkan Teori Hibrid kepada pelajar Pengajian Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Bahasa. Seterusnya, buat Cik Amirah Binti Ahmad yang membimbing saya, serta mengajar saya untuk menjadi insan yang senantiasa bersyukur dengan nikmat-Nya. Selain itu, jutaan terima kasih buat kesemua penyarah Akademi Pengajian Bahasa yang tanpa jemu mencurahkan ilmu kepada saya dan kesemua pelajar di Akademi Pengajian Bahasa. Tanpa segala sokongan serta tunjuk ajar kalian semua, mungkin penulisan ini tidak dapat dihasilkan dengan jayanya. Tidak juga dilupakan kepada penaja saya iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang telah menaja dan membiayai pengajian saya sepanjang saya melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Di samping itu, jutaan tidak terhingga kepada UiTM kerana memberikan peluang kepada saya untuk menuntut ilmu di sini.

Seterusnya, buat insan istimewa dalam hidup saya iaitu ibu tercinta, Puan Khuzimah Binti Ismail dan abah tercinta, En Mohd Zalkanil Bin Saruji yang tidak jemu mendoakan kejayaan saya, mendorong serta memberikan kasih sayang yang tidak terhingga kepada saya. Buat keluarga tercinta, kekanda-kekanda saya- Along, Angah, De, Kak Long, dan Kak Ngah yang tidak jemu mendoakan dan memberikan semangat kepada adikmu ini. Sesungguhnya, kejayaan ini adalah hadiah buat kalian semua. Selain itu, penghargaan ini juga ditujukan buat sahabat tercinta yang ada di setiap perjuangan dan sepanjang keberadaan saya di sini- Nureen Amalina Binti Mat Resid, Nur Zahirah Sofia Binti Zakaria dan juga Nur Arifah Binti Mohd Din, serta rakan-rakan seperjuangan, terima kasih kerana sentiasa bersama mengharungi dan berkongsi pengalaman di medan ilmu ini.

Akhir kata, budi dan kebaikan yang dihulurkan, hanya Yang Maha Esa sahaja dapat membalasnya. Sememangnya yang baik itu adalah daripada kurniaan Allah S.W.T dan yang buruk itu adalah kelemahan diri saya sendiri.

Sekian, terima kasih.

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM,  
SELANGOR.

492D, LORONG BERKAT 1,  
26500 MARAN,  
PAHANG.

<b>ISI KANDUNGAN</b>		<b>Halaman</b>
<b>PENGAKUAN</b>		ii
<b>PENGHARGAAN</b>		iii
<b>ABSTRAK</b>		iv
<b>ABSTRACT</b>		v
<b>KANDUNGAN</b>		vi
<b>SENARAI JADUAL</b>		x
<b>SENARAI RAJAH</b>		xi
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	7
1.3	Objektif Kajian	9
1.4	Persoalan Kajian	10
1.5	Kepentingan Kajian	10
1.6	Batasan Kajian	11
1.7	Definisi Konsep	12
	1.7.1 Metafora	12
	1.7.2 Hati	14
	1.7.3 Korpus	15
	1.7.4 Teori Hibrid	16
1.8	Kesimpulan	17
<b>BAB II</b>	<b>KOSA ILMU</b>	
2.1	Pengenalan	18
2.2	Kajian lepas	18
2.3	Ulasan Kritis	22
2.4	Kerangka teori	23
	2.4.1 Konsep <i>Ad Hoc</i>	28
	2.4.2 Domain	29
	2.4.3 Skema Imej	30
	2.4.4 Metafora Konsepsi	32

	2.4.5	Metonimi Konsepsi	33
2.8		Kesimpulan	33
<b>BAB III METODOLOGI KAJIAN</b>			
3.1		Pengenalan	34
3.2		Keterbatasan Kajian	34
3.3		Data kajian	35
	3.3.1	Pangkalan data Korpus MCP ( <i>Malay Concordance Project</i> )	36
	3.3.2	Pangkalan Data Korpus DBP (Dewan Bahasa dan Pustaka	36
3.4		Pendekatan Kajian	37
3.5		Tatacara pengumpulan Data	39
	3.5.1	Tatacara pengumpulan Data	39
	3.5.1.1	Langkah-langkah Pengumpulan Data Korpus ( <i>MCP</i> ) <i>Malay Concordance Project</i>	40
	3.5.1.2	Langkah-langkah Pengumpulan Data Korpus (DBP) Dewan Bahasa dan Pustaka	41
	3.5.2	Menganalisis	42
	3.5.3	Perbandingan	43
3.6		Kesimpulan	43
<b>BAB IV ANALISIS DAPATAN KAJIAN</b>			
4.1		Pengenalan	44
4.2		bentuk-bentuk metafora HATI dalam Korpus <i>Malay Concordance Project</i> (MCP) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	44
4.3		Metafora HATI dalam Korpus <i>MalayCconcordance Project</i> : Analisis Data	49
	4.3.1	Penerapan Konsep <i>Ad Hoc</i> Penyempitan	49
	4.3.2	Penerapan Konsep <i>Ad Hoc</i> Peluasan	56
4.4		Metafora HATI dalam Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka: Analisis Data	62
	4.4.1	Penerapan Konsep <i>Ad Hoc</i> Penyempitan	63